

**BIDANG KEPAKARAN LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS (SME)  
BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**

| BIL. | BIDANG KEPAKARAN                                     | BIDANG TUGAS   |
|------|--|--|
| 1.   | Pengurusan Strategik ICT                             | Pengurusan Strategik ICT merangkumi perancangan, <i>Enterprise Architecture</i> (EA), tadbir urus yang merupakan pengurusan strategi ICT secara holistik.  |
| 2.   | Sains Data   | Sains Data/ Kejuruteraan Data/ Analitik Data adalah pengekstrakan pengetahuan yang dapat diambil secara langsung dari data melalui proses penemuan dan pengujian hipotesis.                                  |
| 3.   | Pengurusan Pengetahuan dan Maklumat Digital          | Mengurus dan memanfaatkan pengetahuan dan maklumat yang disimpan termasuk dokumentasi dan pengalaman sebagai aset intelektual yang dapat memberi nilai untuk meningkatkan kecekapan dan prestasi organisasi. |
| 4.   | Keselamatan dan Perlindungan Maklumat                | Perlindungan ke atas aspek infrastruktur, aplikasi dan data bertujuan untuk menjamin keselamatan maklumat tersebut dan kebolehsediaan kepada semua pengguna yang dibenarkan.                                 |
| 5.   | Pengurusan Insiden dan Forensik ICT                  | Pengurusan pengendalian insiden keselamatan ICT bagi memastikan serangan siber dan keselamatan ICT berada di tahap yang paling minima.   |
| 6.   | Penilaian Tadbir Urus dan Audit Keselamatan Maklumat | Tadbir urus keselamatan maklumat dan menjalankan audit keselamatan.  |
| 7.   | Pengurusan Projek ICT                                | Pengurusan proses dan prosedur dalam satu tempoh masa, sumber dan tahap kualiti yang ditetapkan bagi menghasilkan satu atau lebih produk ICT.  |
| 8.   | Pengurusan Pusat Data                                | Pengurusan Infrastruktur ICT Pusat Data termasuk Perkhidmatan dan pengoperasian peralatan dan  |

| BIL. | BIDANG KEPAKARAN                             | BIDANG TUGAS   |
|------|--|--|
|      |  | perisian ICT Pusat Data serta fasiliti Pusat Data termasuk Mechanical & Engineering.   |
| 9.   | Pengurusan Enterprise ICT                    | Teknologi ICT terkini bagi menyokong pelaksanaan ICT secara keseluruhan.   |
| 10.  | Pengurusan Rangkaian ICT                     | Perancangan dan Rekabentuk Rangkaian, Pelaksanaan dan Pemantauan Rangkaian dan memberi tumpuan kepada Komunikasi Digital.  |
| 11.  | Kejuruteraan Keperluan Sistem                | Mendapatkan keperluan sistem aplikasi sejajar dengan strategi bisnes dan perkhidmatan.   |
| 12.  | Kejuruteraan Sistem                          | Keperluan penyelesaian pembangunan sistem seperti spesifikasi, kos, kualiti, masa, kecekapan tenaga, keselamatan maklumat dan perlindungan data.   |
| 13.  | Pengujian dan Jaminan Kualiti Perisian (SQA) | Jaminan Kualiti Perisian adalah pelaksanaan yang terancang dan sistematik bagi semua tindakan yang dijalankan untuk memberikan keyakinan yang mencukupi agar item atau produk mematuhi keperluan teknikal yang ditetapkan. |
| 14.  | Pengurusan Pangkalan Data                    | Menguruskan pembangunan pangkalan data.  |

Nota:

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada laman:

<https://www.mampu.gov.my/ms/pekeliling/category/186-pekelling-perkhidmatan>